



---

Fail: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.40 ( 2 )  
Tarikh: 19 Jun 2012

## **SIARAN MEDIA**

### **40% PENGURANGAN SISA KE TAPAK PELUPUSAN MENJELANG 2020**

**Kuala Lumpur, 19 Jun 2012** – Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Chor Chee Heung menerusi taklimatnya kepada media sempena Hari Terbuka Lab Pengurusan Sisa Pepejal hari ini memaklumkan Kementeriannya melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara bakal menyasarkan 40% pengurangan sisa ke tapak pelupusan, 38% pengurangan pelepasan gas rumah hijau dan kesan ekonomi yang positif menjelang 2020". Sasaran ini dicadangkan selepas satu lab pengurusan sisa pepejal diadakan pada 26 Mac sehingga 13 April 2012 yang lalu.

Menurutnya lab yang telah diadakan di PICC, Putrajaya itu telah melibatkan penyertaan daripada *stakeholders*, Agensi Kerajaan yang berkaitan (JAS, DOS, Agensi Nuklear Malaysia), pemain industri, penyedia teknologi dan juga Badan Bukan Kerajaan (NGOs).

Chor berkata, "peserta-peserta lab tersebut merumuskan pengurusan sisa pepejal hari ini dilihat tidak lestari apabila kaedah pelupusan sisa pepejal di Malaysia banyak bergantung kepada tapak pelupusan". "Kebergantungan kepada tapak pelupusan akan meningkatkan pembebasan gas rumah hijau kepada 50% menjelang 2020, malah kita bakal ber-

hadapan dengan cabaran dalam menutup tapak-tapak ini secara selamat dan juga persaingan guna tanah”, kata Chor lagi.

“Kerajaan mengakui teknologi yang lestari adalah diperlukan bagi menangani isu alam sekitar dan terdapat pelbagai teknologi baru masa kini, namun kesesuaian untuk Malaysia masih perlu diperhalusi”.

Lab selama tiga (3) minggu tersebut mengesyorkan supaya pengurusan sisa pepejal dilaksanakan mengikut keutamaan hirarki seperti berikut:

1. Mengelakkan penjanaan sisa
2. Mengurangkan sisa di punca
3. Menggunakan semula barangan dan bahan terpakai
4. Perolehan semula bahan melalui kitar semula, rawatan secara organik, perolehan tenaga melalui rawatan pengolahan haba; dan
5. Tapak pelupusan sebagai pilihan terakhir

Berdasarkan keutamaan tersebut, Lab telah mengemukakan tiga (3) cadangan utama iaitu 3R (Reduce, Reuse & Recycle), Perolehan semula/Rawatan, dan Pelupusan dan turut mengesyorkan beberapa program dalam melaksanakan ketiga-tiga cadangan utama tersebut. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, bermula hari ini di Stesen Sentral Kuala Lumpur mempamerkan hasil lab tersebut kepada awam. Orang ramai dijemput hadir memberikan pandangan mereka mengenainya. Tarikh dan lokasi seterusnya adalah seperti berikut:

- a. 30 Jun 2012 di Danga City Mall, Johor (9.30 pagi hingga 6.30 petang)
- b. 7 Julai 2012 di East Coast Mall. Kuantan, Pahang (10.00 pagi hingga 9.00 malam)
- c. 14 Julai 2012 di Ipoh Parade, Ipoh, Perak (10.00 pagi-6.00 petang)

Bagi yang tidak berkesempatan untuk hadir ke lokasi-lokasi tersebut, mereka boleh meninggalkan pandangan di laman web [www.kpkt.gov.my/jpspn](http://www.kpkt.gov.my/jpspn).

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Landskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.*

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim, Ketua Komunikasi Korporat ([jessy@kpkt.gov.my](mailto:jessy@kpkt.gov.my))

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555  
Faks : 03-8891 5557  
e-mail : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)